

13/02/1998

IAP yakin capai kejayaan besar

BEBERAPA anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) menyatakan keyakinan mereka terhadap projek berkenaan dan percaya ia akan mencapai kejayaan besar.

Mereka yang berpuas hati dengan kemajuan projek itu serta keupayaan kerajaan menyempurnakannya walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, berpendapat MSC boleh menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Malaysia dan rantau ini pada tempoh terdekat.

Pakar dan ketua syarikat teknologi maklumat terkemuka dunia itu menyatakan komitmen mereka terhadap projek MSC pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat kedua IAP MSC, di sini, semalam.

Pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation, Bob Bishop, berpuas hati terutama dengan kemajuan MSC yang dilaksanakan dalam tempoh singkat.

"Hala tuju MSC lebih konkrit dan kemudahannya lebih jelas.

"Syarikat yang akan beroperasi juga sudah dikenal pasti," katanya.

Beliau yakin MSC dapat membebaskan Malaysia dan rantau ini daripada masalah ekonomi pada masa depan.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Madge Networks, Robert Madge, berkata MSC bergerak pantas dan akan menjadi pemangkin pertumbuhan keseluruhan rantau itu.

Pengerusi dan CEO Alcatel Alsthom, Serge Tchuruk, berkata projek MSC melepasi tahap konsep sambil menyifatkan langkah konkrit, realiti keseluruhan projek dan rancangan perniagaan yang dibentangkan turut menyakinkan pelabur.

(END)